

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG  
(SIBUTI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2018**

**Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi menambah keperluan mesin ATM di kawasan luar bandar bagi memudahkan proses pengeluaran wang tunai dan bagaimana cara untuk membolehkan bank komersial beroperasi di Pekan Bekenu, Parlimen Sibuti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan institusi-institusi kewangan untuk memperluas kemudahan

perkhidmatan perbankan, terutamanya kepada golongan masyarakat yang menetap di kawasan luar bandar. Salah satu inisiatif yang telah dilaksanakan ialah menggalakkan pembangunan saluran perbankan alternatif yang inovatif, seperti perkhidmatan ejen bank (EB). Antara perkhidmatan perbankan asas yang disediakan oleh EB adalah seperti berikut :

- i) Mengambil deposit;
- ii) Mengendalikan pengeluaran wang tunai;
- iii) Mengendalikan pindahan dana / wang;
- iv) Menerima pembayaran pinjaman / pembiayaan;
- v) Mengendalikan pembayaran bil; dan
- vi) Membuka akaun simpanan (BSN sahaja)

Sementara itu, khusus bagi daerah Sibuti, Sarawak, terdapat lapan ejen Bank Simpanan National (BSN) yang menyediakan perkhidmatan kewangan di sekitar daerah tersebut, termasuk di dalam pekan Bekenu. Oleh itu, penduduk setempat tidak perlu pergi jauh bagi keperluan perbankan asas mereka. Selain perkhidmatan ejen bank dan cawangan bank, penduduk Sibuti juga boleh mengakses perkhidmatan kewangan melalui perbankan dalam talian sama ada melalui Internet persendirian atau di Pusat Internet 1Malaysia yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Pihak BNM juga akan terus bekerjasama dengan industri perbankan bagi meluaskan perkhidmatan ejen bank secara berperingkat untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**  
**TARIKH : 26.03.2018**  
**SOALAN : NO. 23**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar pengangguran graduan TVET dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi dari tahun 2013 hingga 2017, serta langkah yang diambil bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar TVET dalam bidang yang dipelajari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberi penekanan kepada Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) agar graduan TVET dapat menepati permintaan industri. Perkara ini dilaksanakan selaras dengan Lonjakan 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu menghasilkan 'Graduan TVET Berkualiti'. Hasilnya, Kadar kebolehpasaran graduan TVET bagi tahun 2013 hingga 2017 telah meningkat daripada 74.9% kepada 91.4%.

Sejak pelancaran Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 pada tahun 2015, KPT telah memperkenalkan agenda mereka bentuk semula pendidikan tinggi yang merangkumi pelaksanaan program yang memenuhi keperluan IR 4.0 di mana ia bukan hanya tertumpu kepada graduan masa hadapan tetapi juga *reskilling*

37

*processess*. Antaranya ialah dengan pelaksanaan program iCGPA, E-Portfolio, 2u2i, CEO@Faculty, penawaran program dwi ijazah dan pelaksanaan *Malaysia English Assessment*.

Di samping itu, institusi-institusi TVET di bawah Kementerian yang terdiri daripada Jaringan Universiti-Universiti Teknikal (MTUN), Politeknik dan Kolej Komuniti, mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET seperti berikut:

- (i) Merangka **Dasar TVET 4.0** bagi memastikan modal insan yang dihasilkan menepati kehendak pasaran kerja revolusi industri 4.0;
- (ii) Memperkasa **kerjasama di antara institusi TVET di bawah KPT** bersama industri dalam mereka bentuk kurikulum yang bersepadu dan sejajar dengan keperluan industri serta melaksanakan program 2u2i yang merupakan program pembelajaran melalui pekerjaan (*work-based learning*) dalam usaha meningkatkan ketersediaan mahasiswa untuk alam pekerjaan;
- (iii) Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri atau **Industry Centres of Excellence (ICOE)** bagi merencanakan lagi pelaksanaan program berimpak sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada graduan terutama dalam bidang TVET dan teknologi tinggi. Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 14 ICOE dan dua kluster baharu iaitu Kluster Rel yang diterajui oleh Universiti Tun Hussain Onn Malaysia (UTHM) dan Kluster Maritim yang diterajui oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) juga telah ditubuhkan;

- (iv) Memastikan agar Mahasiswa MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti terlibat dalam projek pembinaan infrastruktur kelas dunia yang diterajui kerajaan. Ini termasuk memberi fokus kepada bidang yang sedang berkembang seperti *High Speed Rail*, *Industrial Internet of Things* dan *Building Information Modelling, Instrumentation and Security Technology*;
- (v) Membina ekosistem yang menyokong pembudayaan **Pembelajaran Sepanjang Hayat** dalam bidang kemahiran. Sebagai contoh, baru-baru ini telah melancarkan Pelan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat. Antara kelebihan pelan ini adalah pelajar Tahfiz berpeluang mengikuti kursus sijil kemahiran seperti automotif dan pendawaian elektrif yang mereka boleh amalkan dalam pekerjaan masa depan;
- (vi) Menyasarkan 70% pelajar yang tamat persekolahan akan menyertai bidang TVET;
- (vii) Pembangunan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang merupakan satu sistem akreditasi berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia.